

Perkumpulan Perempuan Sungai Merab (1961)

Dirujuk oleh

- [Sungai Merab \(1860-an\)](#)

1961-09-29: Penubuhan Perkumpulan Perempuan Sungai Merab

"Perkumpulan Perempuan Sungai Merab, Kajang telah mengadakan jamuan teh kerana menyambut genap sa-tahun tertuboh-nya persatuan tersebut dan juga untuk merai'kan Che'gu Jamilah binte Ahmad yang telah memenangi hadiah pertama dalam Peraduan Mengarang Sajak untuk ahli2 Perkumpulan Perempuan Sa-Malaya pada 14 September yang lalu. Jamuan ini telah di-adakan di-Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Kajang pada hari Sabtu 29 September yang lalu, dan telah di-hadhiri oleh lebih dari 100 orang jemputan yang terdiri dari pemuda2 UMNO dan juga ibu bapa di-kampung itu. Perkumpulan Perempuan ini telah di-tubuhkan pada bulan September tahun 1961 dengan mempunyai sa-ramai 50 orang ahli." (Berita Harian, 3 October 1962, Page 9:

|
"W.I. SUNGAI MERAB MERAYAKAN ULANG TAHUN YG PERTAMA").

MAKLUMAT LANJUT: [Perkumpulan Perempuan Sungai Merab \(1961\)](#)

1961-11-25: Perasmian Pertubohan Perkumpulan Perempuan Kampong Sungai Merab

"Wanita2 yang sudah mempunyai kemajuan hendak-lah memimpin wanita2 yang tinggal di-kampung. Demikian Che' Kamsiah binti Ibrahim pengelola Pertubohan Perkumpulan Perempuan Negeri Selangor ketika beruchap di-hadapan sa-ramai 100 orang wanita di-masa meresmikan Pertubohan Perkumpulan Perempuan Kampong Sungai Merab 8 batu dari Kajang pada hari Sabtu 25 November 61. Pertubohan ini telah didirikan di-kampung ini kira2 dua bulan yang lalu di-pimpin oleh Che' Zahrah binti Haji Abas dan di-bantu oleh Che'gu Maimunah binti Yunus sa-orang guru sekolah kebangsaan di-sini." (Berita Harian, 27 November 1961, Page 5:

|
"Wanita2 yang maju di-seru memimpin").



"Gambar menunjukkan sa-bahagian daripada kaum ibu Kampong Sungai Merab kira2 8 batu dari Kajang bergambar ramai sa-telah menubuhkan Persatuan Perkumpulan Perempuan kampung tersebut pada minggu lalu. Perasmian penubuhan perkumpulan itu telah di-lakukan oleh Che' Kamisah bt. Ibrahim, Pengelola Perkumpulan Perempuan Negeri Selangor. Persatuan yang baharu di-tubuhkan itu di-pimpin oleh Che' Sahrah bt. Haji Abas dwan di-bantu oleh Che'gu Maimunah bt. Yunos." (Berita Harian, 8 December 1961, Page 7:

"PERKUMPULAN PEREMPUAN MERAB").

1962-07: Kegiatan Perkumpulan Perempuan di Sekolah

"Menteri Besar Selangor, Dato' Abu Bakar Baginda akan merasmikan permulaan temasha sukan Sekolah2 Kebangsaan Sungai Merab, Kajang pada hari Sabtu ini, dan pertukangan tangan yang akan di-adakan oleh orang2 kampung pada hari itu juga akan di-buka oleh Menteri Besar itu." (Berita Harian, 28 July 1962, Page 10:

"Temasha sukan Sungei Merab").



"Gambar di-atas menunjukkan sa-bahagian daripada ahli2 Perkumpulan [sic: Perempuan] Sungai Merab, Kajang yang di-pimpin oleh Che'gu Maimunah binte Yunus bergambar ramai sa-belum memulakan kelas masak memasak dan ilmu rumahtangga yang diadakan dua kali seminggu di-Sekolah Kebangsaan Sungai Merab." (Berita Harian, 20 July 1962, Page 7:

|

"Mereka giat belajar masak memasak").





Kiri: "Sa-bahagian dari kaum

ibu yang datang ka-pameran perusahaan tangan Perkumpulan Perempuan Sungai Merab sedang memerhatikan bunga2an kertas dan kain buatan kaum ibu yang di-adakan pada hari Ibu Bapa di-Sekolah Kebangsaan Sungai Merab pada hari Sabtu yang lalu." (Berita Harian, 3 August 1962, Page 6:

|

"Kaum ibu lihat perusahaan").

Kanan: "Sa-bahagian dari ahli2 Perkumpulan Perempuan Sungai Merab Kajang waktu mengadakan pertunjukan perusahaan tangan pada hari ibu bapa di-sekolah kebangsaan Sungai Merab baharu2 ini. Berdiri di-tengah ia-lah Che'Gu Maimunah Yunos, Pengerusi perkumpulan di-sini." (Berita Harian, 10 August 1962, Page 6:

|

"Di-pameran kerajinan tangan").

1962-09-14: Che'gu Jamaliah Menang Peraduan Sajak



"Kerana posmen tidak pernah menjengah ka-kampung-nya, sa-orang anggota Perkumpulan Perempuan di-sini yang telah memenangi peraduan mengarang sajak anjoran Perkumpulan Perempuan Malaya tidak dapat menerima sendiri hadiah-nya dari Tengku Abdul Rahman. Kesah ini berlaku ka-atas Che'gu Jamaliah binti Ahmad, sa-orang guru di-Sekolah Kebangsaan Sungai Merab. Che'gu Jamaliah di-jadualkan menerima sendiri hadiah-nya di-dalam upacara yang di-langsungkan di-ibu pejabat Perkumpulan Perempuan Malaya di Petaling Jaya pada 14 September lalu. Tetapi surat itu tidak di-terima-nya hingga 21 September lalu kerana 'terpendam' di-pejabat pos Kajang sa-lama sa-minggu. Dan Che'gu Jamaliah lebih dulu mendapat tahu tentang kemenangan-nya itu melalui Ruangan Wanita, Berita Harian pada 17 September - tiga hari sa-sudah upacara menyampaikan hadiah itu berlangsung. 'Oh betapa-lah kesal-nya hati saya. Saya telah kehilangan peluang untuk hadir dalam upacara itu...' kata-nya kepada Berita Harian hari ini. Dan Pengerusi Lembaga Pengurus Sekolah Kebangsaan Sungai Merab, Inche Muhamad Yunus b. Mihad bersetuju dengan-nya 'Kampung ini lapan batu sahaja dari bandar Kajang'. 'Tetapi sudah sa-tahun kami tidak melihat posmen. Surat2 orang kampung di-kirimkan sahaja kepada dreber taxi atau di-letak-kan sahaja di-sabuah kedai di-bandar Kajang untuk di-ambil sendiri oleh tuan-nya.' Pegawai Pejabat Pos Kajang, Inche Nordin bin Ibrahim bila mendapat tahu rungutan2 ini berkata: 'Saya tidak tahu kejadian ini.' 'Biasa-nya sa-orang posmen bertugas menghantar surat ka-kampung ini tiga kali sa-minggu - pada hari Thalatha, Khamis dan Sabtu.' Beliau bagaimana pun berjanji akan menyiasat peristiwa itu." (Berita Harian, 24 September 1962, Page 2:

"Jamaliah ta' dapat hadiah kerana posmen tidak ada").

From:

<https://www.bangi.pulasan.my/> - Cebisan Sejarah Bangi

Permanent link:

https://www.bangi.pulasan.my/perempuan_sgmerab?rev=1757991875

Last update: 2025/09/16 03:04

